



NAJIB dan Rosmah membuat tinjauan banjir di Paloh Hinai, semalam.

'Kita kaji dulu'

■ Penyaluran bantuan mangsa banjir perlu diperhalusi

Mohamad Azim Fitri Abd Aziz
azimfitri@hmetro.com.my

Pekan

Kerajaan akan melihat terlebih dahulu bantuan yang akan diberikan kepada mangsa banjir termasuk mengkaji faktor cuaca dan mereka yang tidak mendaftarkan diri di pusat pemindahan sementara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, segala bantuan yang akan diberikan akan dilihat dan dikaji terlebih dahulu sebelum diputuskan.

"Kita tengok dulu sebab ada orang menganggap dirinya sebagai mangsa banjir tapi dia tidak berpindah. Bila tak daftar susah hendak beri bantuan wang ihsan.

"Tengok keadaan dulu...juga lihat keadaan cuaca semasa (sebelum bentuk bantuan diputuskan)," katanya selepas melawat 80 mangsa banjir di pusat pemindahan sementara Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Paloh Hinai, di sini, semalam.

Najib berkata, mangsa banjir yang enggan berpindah tidak akan diabaikan kerana agensi kerajaan yang terbabit dalam pengurusan bencana akan melakukan pemantauan termasuk menghulurkan bantuan makanan.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Pekan turut berpuas hati dengan gerak kerja di-tunjukkan semua agensi



NAJIB dan Rosmah membantu memasak juadah mangsa banjir.

Bantuan dan sumbangan diterima pun banyak terutama sumbangan makanan. Tiadalah mereka hari-hari makan (ikan) sardin adalah juga makan daging dan ayam"

Najib Razak

kerajaan terbabit dalam menguruskan bencana banjir.

"Bantuan dan sumbangan diterima pun banyak terutama sumbangan makanan. Tiadalah mereka hari-hari makan (ikan) sardin adalah juga makan daging dan ayam," katanya.

Terdahulu Najib yang tiba jam 3.45 petang bagi melawat mangsa banjir di daerah ini turut meluangkan masa kira-kira tiga jam untuk melawat tiga pusat pemindahan sementara (PPS)

di Pekan.

Tiga pusat pemindahan berkenaan adalah di Sekolah Kebangsaan (SK) Kinchir Angin, Balai Raya Tanjung Lepar dan IKBN.

Perdana Menteri dan rombongannya turut meninjau kemudahan disediakan di situ dan menaiki bot untuk mengharungi Jambatan Sungai Kinchir yang ditenggelami air lebih satu meter.

Najib bersama isteri Datin Seri Rosmah Mansor turut meluangkan masa beramah mesra bersama keluarga yang dipindahkan selain bertanya khabar mereka.

Menurut Abdul Aziz Osman, 58, tinjauan Perdana Menteri ke beberapa PPS diharapkan dapat meringankan beban keluarga yang terpaksa berpindah.

"Saya harap akan ada bantuan kepada kami, saya yakin dia (Najib) akan mempertimbangkannya," katanya.